

Mahathir mahu komponen BN teliti proses ahli baru

UM - 2 AUG 2000
KUALA LUMPUR 1 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu semua cawangan parti komponen Barisan Nasional (BN) berhati-hati ketika memproses permohonan ahli baru.

Katanya, ini bagi mengelakkan kemungkinan terdapat mereka yang mempunyai latar belakang terlibat dengan kegiatan tidak bermoral dan sukar dikesan seperti liwat.

"Bagaimana kita hendak tahu, saya sendiri tidak tahu. Tetapi apabila saya dapatnya (ada ahli terlibat kegiatan tidak bermoral), saya ambil tindakanlah," katanya pada sidang akhbar selepas melakukan lawatan kerja ke Kompleks Kraf di Jalan Conlay, di sini hari ini.

Dr. Mahathir diminta mengulas mengenai penahanan Ketua Cawangan MCA Persiaran Gurney, Pulau Pinang, Ong King Ee oleh polis semalam kerana terlibat dengan kegiatan kumpulan kongsi gelap.

King Ee atau lebih dikenali sebagai "Jackie Chan" mengetuai kumpulan kongsi gelap Sio Sam Tong (Tiga Maharaja Kecil) dipercayai terlibat dalam kegiatan jenayah seperti mengedar dadah, membunuh, menculik serta merompak.

King Ee yang digantung daripada MCA minggu lepas, juga telah meletak jawatan sebagai ahli MCA serta ketua cawangan itu dan perkara itu telah diterima oleh pucuk pimpinan parti.